




## BERITA DAN ISU SEMASA IMPAK COVID-19 KEPADA EKONOMI

RUJUKAN: 13 – 16 Ogos 2021

BIL. 30 / 2021



# RINGKASAN LIPUTAN BERITA MUTAKHIR WABAK COVID-19 DAN KESAN KEPADA EKONOMI

## 1. PENDAHULUAN

- 1.1 Kementerian Kesihatan Malaysia memaklumkan pada 16 Ogos 2021 **kumulatif kes sembah bertambah kepada 1,162,578** atau 81.6 peratus daripada keseluruhan kes berbanding **249,277 kes yang masih aktif**. Sementara itu, **kes baharu** direkodkan sebanyak **19,740** dan menjadikan jumlah jangkitan positif mencecah kepada **1,424,639 kes**. Penularan tempatan meliputi **99.9 peratus** atau **19,721 kes** daripada catatan harian dengan **80.6 peratus dikesan** melibatkan jangkitan dari **kalangan warganegara Malaysia** manakala **kes import berjumlah 19 kes**. Kawasan Lembah Klang **mendominasi kumulatif kes positif** dengan menyumbang **sebanyak 47.7 peratus**, Zon Selatan (16.7 peratus), Wilayah Malaysia Timur (14.4 peratus), Zon Utara (12.9 peratus) dan Zon Pantai Timur (8.3 peratus). Di peringkat negeri, **pertambahan kes harian baharu** diterajui menerusi catatan di **Selangor** iaitu **5,706 kes** disusuli Sabah (1,728 kes), Kedah (1,592 kes), Sarawak (1,566 kes), Johor (1,510 kes) dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (1,360 kes). Sejumlah **12,784 kes kematian** telah dilaporkan sehingga kini dengan **274 kematian terbaru** sementara **rekod harian tertinggi kematian** adalah **360 kes** yang dicatatkan pada 8 Ogos 2021.
- 1.2 Sementara itu, perkembangan terkini statistik **Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan** sehingga 15 Ogos 2021 menunjukkan seramai **17,076,440** telah **divaksinasi**. Di peringkat negeri, **Selangor menerajui** bilangan yang telah divaksinasi iaitu **3,784,628** diikuti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan 2,579,166. Antara negeri-negeri yang turut mencatatkan bilangan penerima yang tinggi adalah Sarawak (1,819,674), Johor (1,628,015), Sabah (1,275,421), Perak (1,003,833) dan Pulau Pinang (962,161). Secara keseluruhannya, jumlah pemberian vaksin telah mencapai **27.8 juta dos** bagi dos pertama dan kedua sementara jumlah pendaftaran bagi program vaksinasi telah mencecah 20.55 juta orang.
- 1.3 Krisis kesihatan yang berpanjangan turut mencetuskan ketidaktentuan ekonomi di dalam mahupun luar negara. Senario ini digambarkan menerusi beberapa petikan perkongsian *headlines* daripada PublicInvest Research Daily dan pelbagai sumber lain. Butiran terkini pasaran ekonomi antarabangsa adalah seperti berikut:
  - US: **Sentimen pengguna merosot pada awal Ogos kepada terendah dalam tempoh satu dekad.** Petunjuk ini membimbangkan untuk ekonomi US apabila persepsi ke atas kewangan peribadi, inflasi dan

pekerjaan menurun. Indeks sentimen pengguna University of Michigan jatuh kepada 70.2 pada separuh pertama bulan ini daripada bacaan akhir 81.2 pada bulan Julai. Itu adalah tahap terendah sejak 2011, dan hanya ada dua penurunan yang lebih besar dalam indeks selama 50 tahun terakhir. (Reuters)

- US: **Harga import meningkat 0.3% pada bulan Julai** setelah meningkat 1.1% pada bulan Jun. Sementara itu, harga eksport meningkat 1.3% pada bulan Julai susulan lonjakan 1.2% pada bulan sebelumnya (RTT)
- EU: **Lebihan perdagangan menurun pada eksport yang lemah.** Laporan oleh EUROSTAT menunjukkan lebihan perdagangan jatuh kepada EURO12.4 bilion pada bulan Jun daripada EURO13.8 bilion pada bulan Mei. Eksport turun 0.7% pada bulan Jun, sementara import kekal stabil dari bulan sebelumnya. Eksport dan import masing-masing meningkat 23.8% dan 28.2% pada asas perbandingan tahun ke tahun. (RTT)
- EU: **Eksport ke UK meningkat pada bulan Jun.** EUROSTAT menyatakan eksport yang disesuaikan secara bermusim ke UK meningkat 4.7% pada bulan Jun manakala import dari UK "hampir tidak berubah". Sementara itu, eksport blok ekonomi tersebut ke negara lain turun -0.6%. (Reuters)
- CHINA: **Penutupan pelabuhan menimbulkan keresahan di seluruh dunia.** Pandemik COVID-19 yang sebagiannya menutup salah satu pelabuhan paling sibuk di dunia meningkatkan kebimbangan bahawa penyebaran varian delta yang cepat akan menyebabkan pengulangan mimpi buruk perdagangan tahun lalu. (Bloomberg)
- JAPAN: **Ekonomi Japan kembali berkembang pada suku kedua 2021** dan berjaya mengelak kemelesetan berganda. KDNK Japan berkembang 1.3% dari suku sebelumnya, bangkit semula setelah menyusut pada suku sebelumnya. Pertumbuhan KDNK ST2 2021 didorong oleh pelaburan baharu oleh perniagaan dan peningkatan perbelanjaan pengguna. (Bloomberg)
- TAIWAN: **Ekonomi Taiwan dijangka berkembang dengan kadar terpantas dalam lebih dari satu dekad pada tahun 2021.** KDNK dijangka meningkat 5.88% tahun ini, terpantas sejak berkembang 10.25% pada tahun 2010. Bagi tahun tahun 2022, KDNK dijangka bertumbuh 3.69%. (Reuters)
- HONG KONG: **Hong Kong menyemak naik unjuran pertumbuhan ekonominya untuk tahun 2021** apabila Kerajaan secara beransur melonggarkan langkah-langkah pengendalian COVID-19 dan

pemberian baucar tunai yang membantu meningkatkan perbelanjaan. KDNK Hong Kong dijangka bertumbuh 5.5% hingga 6.5% tahun ini, berbanding dengan julat sebelumnya antara 3.5% hingga 5.5%. Sementara itu, inflasi dijangka pada 1%. (Bloomberg)

- **SOUTH KOREA: Harga eksport naik 16.9% tahun ke tahun pada bulan Julai berbanding kenaikan 13.0% pada bulan Jun.** Harga eksport produk pertanian, perhutanan dan marin meningkat 6.1% pada asas tahunan dan produk pembuatan melonjak 17.0%. Harga import meningkat 19.2% tahun ke tahun daripada 14.4% pada bulan sebelumnya. Harga import bahan mentah melonjak 47.5%, barang perantaraan naik 16.6%, barang modal turun 2.9% dan barang pengguna naik 0.1%. Secara asas bulan ke bulan, harga eksport naik 3.5% dan harga eksport naik 3.3%. (RTT)

## 2. PENEMUAN UTAMA PETIKAN AKHBAR

1. **Ekonomi Malaysia berkembang 16.1 peratus pada suku kedua 2021, disokong khususnya oleh peningkatan permintaan dalam negeri dan prestasi eksport yang berterusan.** Pertumbuhan ekonomi Malaysia yang kukuh dan peningkatan dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) adalah isyarat positif kepada bakal pelabur bahawa negara ini masih bertahan di tengah-tengah peningkatan kes jangkitan COVID-19.
2. Penyelidik Pasaran RHB Banking Group **mengekalkan unjuran pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) negara pada 5.4 peratus bagi sepanjang tahun 2021.** Unjuran itu adalah lebih tinggi berbanding sasaran Bloomberg iaitu lima peratus dan **anggaran semakan semula Bank Negara Malaysia (BNM) antara tiga ke empat peratus.** Penggunaan swasta turut dijangka akan pulih pada separuh kedua 2021 sebanyak tujuh peratus berbanding penguncutan 4.3 peratus pada tempoh yang sama tahun sebelumnya. **Pemulihan ekonomi pada tahun ini juga bakal melonjakkan lagi KDNK pada 2022 yang dijangka akan berkembang pada 5.5 peratus.**
3. DNeX dan rakan China akan menyuntik RM200 juta modal baru ke dalam SilTerra Malaysia Sdn. Bhd. Modal baru ini akan digunakan **untuk membeli peralatan dan menaiktaraf jentera bagi memenuhi keperluan teknologi semasa.** Beijing Integrated Circuit Advanced Manufacturing dan High-End Equipment Equity Investment Fund Centre (CGP Fund) bersama-sama memiliki baki 40 peratus. DNeX **menjangkakan permintaan bagi cip akan terus meningkat, dipacu oleh penggunaan teknologi yang meningkat seperti internet of things, 5G dan kenderaan elektrik.**
4. **MISC mencatatkan keuntungan bersih RM538.80 juta pada suku kedua 2021,** meningkat 80 peratus daripada suku yang sama tahun sebelumnya. Ini disumbangkan oleh keuntungan operasi yang lebih tinggi dan penurunan nilai kerugian yang lebih rendah terutamanya di segmen marin dan kejuruteraan berat pada harta tanah, loji dan peralatan. MISC turut mengumumkan pemberian dividen sebanyak 7 sen bagi setiap saham bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021.
5. **Kem-kem induk ECRL di Dungun dan Chukai, Terengganu serta Maran, Pahang akan beroperasi sebagai PPVIN** seiring dengan strategi Pelan Pemulihan Negara (PPN) dalam memastikan sektor ekonomi kembali pulih menjelang hujung tahun ini. Langkah ini dapat mempercepatkan proses vaksinasi COVID-19 dalam sektor pembinaan dan pengangkutan.

6. Hospital swasta berkemampuan membantu kerajaan terutamanya dalam proses melakukan saringan terhadap pesakit atau merawat sebahagian pesakit bukan COVID-19 daripada hospital awam.
7. Persatuan Hotel Budget Malaysia (MyBHA) Perak menggesa kerajaan menyegerakan pemberian vaksin kepada kakitangan sektor perhotelan bagi membolehkan mereka beroperasi dengan selamat.
8. Malaysia muncul sebagai pengeksport kedua terbaik di rantau ini selepas China dari segi nilai dolar Amerika Syarikat (AS) pada separuh pertama tahun ini. Eksport negara berkembang kira-kira 30 peratus pada separuh pertama tahun ini. Prestasi eksport negara pada tahun ini akan terus disokong oleh kekuuhan permintaan luaran dan perdagangan global.
9. Nilai eksport produk agrikomoditi melonjak sebanyak 65 peratus kepada RM105 bilion bagi suku kedua 2021, berbanding hanya RM64 bilion bagi tempoh sama tahun lalu. Lonjakan itu membabitkan produk berasaskan sawit yang juga merupakan penyumbang terbesar. Produk berasaskan sawit menyumbang 43 peratus daripada jumlah eksport barang agrikomoditi, iaitu peningkatan kepada RM46 bilion, berbanding RM33 bilion dicatat bagi tempoh sama. Namun, kuantiti eksportnya mencatatkan penurunan lima peratus kepada 11.5 juta tan.
10. BSN menyumbangkan RM2.5 juta kepada Program CERDIK iaitu inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan (MOE) serta Kementerian Kewangan (MOF).
11. Sebanyak 10 tan pes durian dijangka dapat dihasilkan oleh Pusat Pemprosesan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Jerantut pada musim durian kali ini. Pusat Pemprosesan FAMA Jerantut menjadi pengeluar utama bagi penghasilan pes durian. Setiap hari sekurang-kurangnya lima tan durian jenis kampung diproses bagi menghasilkan 500 hingga 600 kilogram pes, pengeluaran banyak bergantung kepada penerimaan buah daripada pekebun di daerah ini. Peningkatan aktiviti penjualan durian disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan pekebun terpaksa menjual kepada FAMA untuk mengelak kerugian.
12. Pengusaha cili fertigasi di Kampung Cempaka di sini kerugian hampir RM200 sehari selepas 10 kilogram (kg) cili Bara F1 tidak dapat dipasarkan susulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0. Pandemik COVID-19 telah merencatkan proses penjualan dan penghantaran

bekalan kepada pelanggan. Kebiasaannya lebih 10 kg dituai setiap hari, tapi sejak kebelakangan ini hanya sekitar dua ke tiga kilogram dalam tempoh tiga hari.

13. Kerajaan membenarkan **semua aktiviti tidak perlu bagi sektor pembuatan, pembinaan, dan perlombongan dan pengkuarian kembali beroperasi** di negeri Fasa 1, Fasa 2 dan Fasa 3 Pelan Pemulihan Negara (PPN) bermula 16 Ogos. Namun, kapasiti pengoperasi adalah bergantung kepada kadar vaksinasi lengkap pekerja. Kapasiti pengoperasian dibenarkan 100 peratus bagi kadar vaksinasi lengkap pekerja yang mencapai 80 hingga 100 peratus.
14. **Kerajaan mengumumkan kebenaran operasi bagi 11 aktiviti ekonomi untuk beroperasi di negeri bawah Fasa 1 PPN**, dengan syarat vaksinasi lengkap penduduk dewasa telah mencapai sekurang-kurangnya 50 peratus. Terdapat 11 aktiviti ekonomi yang dibenarkan iaitu kedai cuci kereta, kedai elektrik dan elektronik, kedai barang rumah dan peralatan dapur, kedai perabot, kedai peralatan sukan, kedai aksesori kereta, pusat pengedaran dan jualan kereta, pasar pagi dan pasar tani, kedai pakaian, fesyen dan aksesori, kedai barang kemas, kedai gunting rambut, dan salon kecantikan.
15. **Projek Lebuhraya Pan Borneo (LPB) di Sarawak telah mencapai 69.6 peratus siap**. Kelewatan projek tidak dapat dielakkan berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) serta masalah rantaian bekalan, kenaikan kos bahan binaan, dan kekurangan pekerja kerana perlu mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP). Projek ini dapat membuka peluang melahirkan pekerja berkemahiran tinggi dalam sektor pembinaan.
16. **Kerajaan telah melancarkan PERKUKUH pada 6 Ogos 2021** yang dapat meningkatkan pelaburan dan penyertaan sektor swasta. Dijangka lebih banyak pekerjaan berkemahiran tinggi dengan gaji yang lumayan dapat dihasilkan daripada pelaburan domestik serta asing menerusi mandat baharu GLIC dan GLC.

A. Bahagian Perangkaan Akaun Negara (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	<b>New Straits Times</b> 16 Ogos 2021 <i>(Non-essential)</i>	<p><b>Malaysia's car companies lose RM14bil in two months, says industry body</b></p> <p>The Malaysian automotive industry has suffered RM14 billion losses in June and July.</p> <p>The local automotive industry had suffered huge losses since motor vehicles production plants, distributions centres and sales centres especially in Klang Valley were halted since June 1.</p>	<a href="https://www.nst.com.my/business/2021/08/718309/malaysias-car-companies-lose-rm14bil-two-months-says-industry-body">https://www.nst.com.my/business/2021/08/718309/malaysias-car-companies-lose-rm14bil-two-months-says-industry-body</a>
2.	<b>Berita Harian</b> 16 Ogos 2021 <i>(Non-essential)</i>	<p><b>Fitch Solutions unjur ekonomi catat pertumbuhan sifar tahun ini</b></p> <p>Berikutan impak gelombang ketiga jangkitan COVID-19 lebih teruk daripada jangkaan, Fitch Solutions membuat semakan semula unjuran Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) benar Malaysia kepada sifar peratus bagi 2021 berbanding 4.9 peratus sebelum ini.</p>	<a href="https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/08/851992/fitch-solutions-unjur-ekonomi-catat-pertumbuhan-sifar-tahun-ini">https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/08/851992/fitch-solutions-unjur-ekonomi-catat-pertumbuhan-sifar-tahun-ini</a>
<b>Penemuan penting &amp; isu:</b> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Berdasarkan statistik terkini, jualan kenderaan pada bulan Jun dan Julai masing-masing adalah sebanyak 1,921 unit dan 7,086 unit, mencatatkan kerugian RM14 bilion.</li> </ol>			
<b>Maklumbalas Bahagian:</b> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Industri automotif adalah antara industri yang terkesan berikutan langkah Kerajaan yang hanya membenarkan industri perlu sahaja beroperasi bagi membendung penularan wabak COVID-19. Berdasarkan perubahan peratusan dari suku tahun sebelumnya, Perkhidmatan kenderaan bermotor mencatatkan pertumbuhan negatif 32.9 peratus pada ST2 2021 berbanding negatif 16.4 peratus pada ST1 2021.</li> </ol>			

B. Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
	<b>Subsektor Perdagangan Borong &amp; Runcit</b>		
1.	<b>Berita Harian</b> 13 Ogos 2021 ( <i>Non-Essential</i> )	<p><b>Pusat beli belah berisiko tutup selama-lamanya</b></p> <p>Persatuan Pengurusan Kompleks Malaysia (PPKM) berkata, kaji selidik yang dijalankan bersama dengan Stratos Pinnacle SB menunjukkan hanya 10 hingga 20 peratus penyewa masih beroperasi di kebanyakan pusat beli belah seluruh negara.</p> <p>Prestasi jualan juga susut sebanyak 60 hingga 90 peratus, yang turut merangkumi sektor perniagaan dibenarkan beroperasi oleh kerajaan ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Fasa 1 Pelan Pemulihan Negara (PPN).</p>	<a href="https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/08/850765/pusat-beli-belah-berisiko-tutup-selama-lamanya">https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/08/850765/pusat-beli-belah-berisiko-tutup-selama-lamanya</a>
2.	<b>BH Online</b> 15 Ogos 2021 ( <i>Non-Essential</i> )	<p><b>Kebenaran beroperasi beri nafas baharu kepada peniaga</b></p> <p>Kebenaran untuk membuka beberapa lagi sektor ekonomi oleh Kerajaan dianggap 'bonus' kepada perniagaan, sekali gus memberi kelegaan kepada peniaga yang terkesan dengan penutupan operasi yang berpanjangan.</p> <p>PKS adalah komponen utama kepada ekonomi dengan 60 peratus majikan kepada tenaga kerja negara dan sumbangan 38 peratus kepada</p>	<a href="https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/08/851558/kebenaran-beroperasi-beri-nafas-baharu-kepada-peniaga">https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/08/851558/kebenaran-beroperasi-beri-nafas-baharu-kepada-peniaga</a>

		KDNK, selain 90 peratus daripada jumlah perniagaan berdaftar.	
3.	<b>Malaysia Gazette</b> 15 Ogos 2021 ( <i>Non-Essential</i> )	<p><b>11 lagi aktiviti ekonomi di dalam sektor perdagangan dan pengedaran untuk kembali beroperasi di dalam Fasa 2 berkuatkuasa pada mulai esok</b></p> <p>11 aktiviti tersebut termasuklah kedai fotografi, barang terpakai, kedai bunga dan nurseri, kraftangan serta cederahati, kedai antik, alat permainan, kedai kandungan kreatif, peralatan <i>outdoor</i>, kosmetik dan kedai tembakau termasuklah vape dan rokok elektronik dibenarkan beropeasi bermula 16 Ogos 2021. Namun kapasiti pengoperasian adalah bergantung kepada kadar vaksinasi lengkap pekerja</p>	<a href="https://malaysiagazette.com/2021/08/15/11-lagi-aktiviti-ekonomi-sektor-perdagangan-beroperasi-esok/">https://malaysiagazette.com/2021/08/15/11-lagi-aktiviti-ekonomi-sektor-perdagangan-beroperasi-esok/</a>
	<b>Subsektor Kesihatan</b>		
4.	<b>Sinar Harian</b> 13 Ogos 2021 ( <i>Essential</i> )	<p><b>Perkukuh kerjasama awam-swasta dalam sistem penjagaan kesihatan: APHM</b></p> <p>Kerjasama awam dan swasta dalam sistem penjagaan kesihatan negara perlu diperkuat sebagai persediaan masa depan termasuk dalam usaha menangani kemungkinan berulangnya pandemik.</p> <p>Dr Kuljit berkata, lebih banyak perbincangan perlu dilakukan agar lebih ramai pihak bersetuju dalam mengenakan bil dan yuran rawatan yang lebih realistik termasuklah kos yang sesuai</p>	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/155377/KHAS/Covid-19/Perkukuh-kerjasama-awam-swasta-dalam-sistem-penjagaan-kesihatan-APHM">https://www.sinarharian.com.my/article/155377/KHAS/Covid-19/Perkukuh-kerjasama-awam-swasta-dalam-sistem-penjagaan-kesihatan-APHM</a>

		bagi membolehkan hospital swasta terus beroperasi.	
5.	<b>Utusan Malaysia</b> 15 Ogos 2021 (Essential)	<p><b>Pesakit HSI, HSA akan dipindah ke hospital swasta</b></p> <p>Sebahagian pesakit bukan COVID-19 yang mendapatkan rawatan di Hospital Sultanah Aminah (HSA) dan Hospital Sultan Ismail (HSI) akan dipindahkan ke kemudahan hospital swasta. Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Sultan Ibrahim bertitah, langkah berkenaan dibuat bagi mengurangkan bebanan terhadap sistem kesihatan awam negeri ini. "Pesakit dari HSI akan dipindahkan ke Columbia Asia dan dari HSA akan dipindahkan ke KPJ," titah baginda dalam satu ciapan di laman Twitter miliknya, hari ini.</p>	<a href="https://www.utusan.com.my/terkini/2021/08/pesakit-hsi-hsa-akan-dipindah-ke-hospital-swasta/">https://www.utusan.com.my/terkini/2021/08/pesakit-hsi-hsa-akan-dipindah-ke-hospital-swasta/</a>
	<b>Subsektor Pendidikan</b>		
6.	<b>Utusan Malaysia</b> 13 Ogos 2021 (Non-Essential)	<p><b>Lagi cadangan tangguh pembukaan sekolah</b></p> <p>Kerajaan diminta pertimbang untuk menangguhkan rancangan pembukaan semula sesi persekolahan September ini ekoran peningkatan kes harian COVID-19 yang telah melepassi angka 20,000 kes ditambah dengan ancaman varian Delta. Sesi persekolahan secara bersemuka boleh dibuat sehingga terdapat petunjuk kes baharu harian yang semakin menurun hingga ke paras yang munasabah.</p>	<a href="https://www.utusan.com.my/terkini/2021/08/lagi-cadangan-tangguh-pembukaan-sekolah/">https://www.utusan.com.my/terkini/2021/08/lagi-cadangan-tangguh-pembukaan-sekolah/</a>

7.	<b>The Star</b> 16 Ogos 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<b>Schools to reopen in stages from Oct 3</b>  Schools will reopen in stages from Oct 3 onwards, says the Education Minister. The nationwide reopening of schools would start with exam year students in Forms Five and Six. However, schools in Phase One states under the National Recovery Plan (NRP) would not open. While, schools in Phase Two would be allowed to open for exam year students and schools in Phase Three could open in full.	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2021/08/16/schools-to-reopen-in-stages-from-oct-3">https://www.thestar.com.my/news/nation/2021/08/16/schools-to-reopen-in-stages-from-oct-3</a>
<b>Subsektor Penginapan</b>			
8.	<b>New Straits Times</b> 14 Ogos 2021 <i>(Essential)</i>	<b>Main island resorts expected to open early Sept</b>  The Tourism, Arts and Culture Ministry (MOTAC) expects top island resorts such as Langkawi, Pangkor, Redang, Tioman and Perhentian to achieve herd immunity by end August and be ready for reopening early next month. However, Datuk Seri Nancy Shukri said, this would depend on the government's decision and the standard operating procedures (SOP) to be set.	<a href="https://www.nst.com.my/news/nation/2021/08/718023/main-island-resorts-expected-open-early-sept">https://www.nst.com.my/news/nation/2021/08/718023/main-island-resorts-expected-open-early-sept</a>
9.	<b>Kosmo</b> 14 Ogos 2021 <i>(Essential)</i>	<b>Tempahan hotel suram di Pulau Pinang</b>  Biarpun aktiviti merentas daerah dibenarkan bagi individu yang melengkapkan dua dos vaksin COVID-19, namun tempahan di kebanyakan hotel di negeri ini	<a href="https://www.kosmo.com.my/2021/08/14/tempahan-hotel-suram-di-p-pinang/">https://www.kosmo.com.my/2021/08/14/tempahan-hotel-suram-di-p-pinang/</a>

		terutama di pusat bandar tidak serancak seperti yang disangka. Rata-rata pihak hotel mengakui kes COVID-19 yang masih tinggi di Pulau Pinang ketika ini mungkin menjadi penyebab utama orang ramai memilih untuk berada di rumah terutama cuti hujung minggu.	
10.	<b>Sinar Harian</b> 15 Ogos 2021 <i>(Essential)</i>	<p><b>Segerakan pemberian vaksin kepada pekerja hotel</b></p> <p>Persatuan Hotel Budget Malaysia (MyBHA) Perak menggesa kerajaan menyegerakan pemberian vaksin kepada kakitangan sektor perhotelan bagi membolehkan mereka beroperasi dengan selamat.</p>	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/155732/BERITA/Nasional/Segerakan-pemberian-vaksin-kepada-pekerja-hotel">https://www.sinarharian.com.my/article/155732/BERITA/Nasional/Segerakan-pemberian-vaksin-kepada-pekerja-hotel</a>
11.	<b>Berita Harian</b> 15 Ogos 2021 <i>(Essential)</i>	<p><b>Penggiat pelancongan lega Langkawi bakal dibuka kembali</b></p> <p>Langkah menjadikan Langkawi sebagai projek perintis destinasi gelembung pelancongan yang diumumkan kerajaan hari ini, melegakan penggiat industrinya.</p> <p>Ketua Pegawai Eksekutif Persatuan Pelancongan Langkawi (LTA), Zainuddin Kadir, berkata pengumuman itu seiring hasrat LTA mahu sektor pelancongan di pulau itu dibuka semula pada 1 September ini.</p>	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/08/851487/penggiat-pelancongan-lega-langkawi-bakal-dibuka-kembali">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/08/851487/penggiat-pelancongan-lega-langkawi-bakal-dibuka-kembali</a>
12.	<b>Berita Harian</b> 15 Ogos 2021 <i>(Essential)</i>	<p><b>Pulau Langkawi projek perintis destinasi gelembung pelancongan</b></p> <p>Kerajaan sedang meneliti pandangan serta maklum balas daripada pemegang taruh berhubung perancangan untuk menjadikan Pulau Langkawi</p>	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/08/851435/pulau-langkawi-projek-perintis-destinasi-gelembung-pelancongan">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/08/851435/pulau-langkawi-projek-perintis-destinasi-gelembung-pelancongan</a>

		<p>sebagai projek perintis destinasi gelembung pelancongan.</p> <p>Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata perancangan itu penting untuk kerajaan merancakkan semula industri pelancongan selepas lebih setahun terkesan akibat pandemik.</p>	
	<b>Subsektor Perkhidmatan Lain</b>		
13.	<b>Free Malaysia Today</b> 14 Ogos 2021 <i>(Non Essential)</i>	<p><b>Lebih 6,300 pengusaha kedai gunting ‘bungkus’ disebabkan PKP</b></p> <p>Seramai 21,820 pengusaha kedai gunting rambut termasuk ahli Persatuan Penggunting Rambut Bumiputera Malaysia (MBBA) di seluruh negara masih bertahan setakat ini tetapi memerlukan bantuan manakala lebih 6,300 pengusaha kedai gunting di seluruh negara gulung tikar susulan pelaksanaan perintah kawalan pergerakan (PKP).</p> <p>Bagaimanapun, berkemungkinan besar akan mengalami nasib sama jika keadaan tidak dibenarkan beroperasi berterusan.</p> <p>Kos terbesar yang terpaksa ditanggung setiap bulan ialah sewa premis, termasuk mencecah hingga RM25,000 sebulan di sesetengah lokasi seperti dalam pasar raya besar.</p>	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2021/08/14/lebih-6300-pengusaha-kedai-gunting-bungkus-disebabkan-pkp/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2021/08/14/lebih-6300-pengusaha-kedai-gunting-bungkus-disebabkan-pkp/</a>

**Penemuan penting & isu:**

1. Lebih banyak pusat beli-belah berisiko untuk menutup operasi sepenuhnya menjelang akhir tahun ini jika krisis pandemik COVID-19 yang berlaku ketika ini masih tidak menunjukkan sebarang tanda pemulihan.
2. Kebenaran untuk beroperasi semula setelah sekian lama diarahkan tutup memberi sinar baru kepada peniaga yang terkesan, terutamanya peniaga PKS yang menyumbang 38% kepada KDNK.
3. 11 lagi aktiviti ekonomi di bawah sektor perdagangan dan pengedaran dibenarkan beroperasi bermula 16 Ogos 2021.
4. Hospital swasta berkemampuan membantu kerajaan terutamanya dalam proses melakukan saringan terhadap pesakit atau merawat sebahagian pesakit bukan COVID-19 daripada hospital awam.
5. Tunku Mahkota Johor telah menitahkan penyumberan luar pesakit bukan COVID-19 ke hospital swasta bagi meringankan bebanan terhadap sistem kesihatan awam.
6. Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan (MOTAC) menjangkakan pusat peranginan pulau ternama seperti Langkawi, Pangkor, Redang, Tioman dan Perhentian akan mencapai imuniti kelompok menjelang akhir Ogos dan siap dibuka semula awal bulan September.
7. Biarpun aktiviti merentas daerah dibenarkan bagi individu yang melengkapkan dua dos vaksin COVID-19, namun tempahan di kebanyakan hotel di negeri Pulau Pinang terutama di pusat bandar tidak serancak seperti yang disangka. Rata-rata pihak hotel mengakui kes COVID-19 yang masih tinggi di Pulau Pinang ketika ini mungkin menjadi penyebab utama orang ramai memilih untuk berada di rumah terutama cuti hujung minggu.
8. Persatuan Hotel Budget Malaysia (MyBHA) Perak menggesa kerajaan menyegerakan pemberian vaksin kepada kakitangan sektor perhotelan bagi membolehkan mereka beroperasi dengan selamat. Menurut pengurusnya, Zamari Muhyi berkata, sehingga kini terdapat sekitar 20 hingga 30 peratus kakitangan hotel di negeri ini yang telah menerima vaksin.
9. Lebih 6,300 pengusaha kedai gunting di seluruh negara gulung tikar susulan pelaksanaan perintah kawalan pergerakan (PKP).

Maklumbalas Bahagian:

1. Kebenaran untuk beroperasi akan membantu proses pemulihan semula ekonomi Negara.
2. Pengoperasian semula pusat pelancongan bermula September ini akan memberi kesan peningkatan pendapatan industri perkhidmatan penginapan bagi tempoh ST3 2021.
3. Penyumberan luar pesakit bukan COVID-19 ke hospital swasta akan menyumbang hasil kepada industri hospital swasta.
4. Pemberian vaksin secara menyeluruh kepada kakitangan pelancongan dapat meningkatkan imuniti kelompok seterusnya memberi peluang sektor pelancongan beroperasi dengan selamat.

C.	<b>Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa (DOSM)</b>		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	<b>Berita Harian</b> 13 Ogos 2021 <i>(Essential)</i>	<p><b>Malaysia pengeksport kedua terbaik Asia</b></p> <p>Malaysia muncul sebagai pengeksport kedua terbaik di rantau ini selepas China dari segi nilai dolar Amerika Syarikat (AS) pada separuh pertama tahun ini.</p> <p>Eksport negara berkembang kira-kira 30 peratus pada separuh pertama tahun ini.</p> <p>Prestasi eksport negara pada tahun ini akan terus disokong oleh kekuuhan permintaan luaran dan perdagangan global.</p>	<a href="https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/08/850804/malaysia-pengeksport-kedua-terbaik-asia">https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/08/850804/malaysia-pengeksport-kedua-terbaik-asia</a>
2.	<b>The Sun Daily</b> 14 Ogos 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p><b>Maqis seizes fish food from China</b></p> <p>The Malaysian Quarantine and Inspection Services Department (Maqis) detained a container</p>	<a href="https://www.thesundaily.my/local/maqis-seizes-fish-food-from-china-IX8202974">https://www.thesundaily.my/local/maqis-seizes-fish-food-from-china-IX8202974</a>

		<p>carrying fish food from China that had no import permit at West Port.</p> <p>Maqis said the container, laden with 8,938 kilogrammes of fish food worth RM98,466.73, was detained during a routine inspection at 5pm.</p>	
3.	<b>The Sun Daily</b> 15 Ogos 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p><b>Agri commodity product exports jump 65% to RM105 billion in second quarter</b></p> <p>Agri-commodity and Agri-commodity product exports jumped 65% to RM105 billion in the second quarter of 2021 from RM64 billion in the same period last year.</p> <p>As of June this year, palm oil-based products, which were the biggest contributor with 43% of total Agri commodity export, increased to RM46 billion compared with RM33 billion in the first six months last year. However, the quantity of palm oil-based product exports declined 5% to 11.5 million tonnes.</p> <p>COVID-19 pandemic continuously impacted palm oil production and exports not only in Malaysia but also other global palm oil-producing countries.</p> <p>“The implementation of the Movement Control Order by the government up to the National Recovery Programme on a scheduled basis over the past six months has directly impacted the export of palm oil and Agri-commodity-based products.</p>	<a href="https://www.thesundaily.my/business/agri-commodity-product-exports-jump-65-to-rm105-billion-in-second-quarter-NI8208816">https://www.thesundaily.my/business/agri-commodity-product-exports-jump-65-to-rm105-billion-in-second-quarter-NI8208816</a>

**Penemuan penting & isu:**

1. Malaysia muncul sebagai pengeksport kedua terbaik di rantau ini selepas China dari segi nilai dolar Amerika Syarikat (AS) pada separuh pertama tahun ini. Eksport negara berkembang kira-kira 30 peratus pada separuh pertama tahun ini. Prestasi eksport negara pada tahun ini akan terus disokong oleh kekuuhan permintaan luaran dan perdagangan global.
2. Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) merampas sejumlah 8,938 kilogram makanan ikan dari negara China, di pintu masuk Pelabuhan Klang Barat. Pemeriksaan yang dilakukan penguat kuasa mendapati, makanan ikan yang diproses itu tidak mempunyai permit import sah yang dikeluarkan oleh MAQIS. Siasatan mendapati, makanan ikan yang tiba di negara ini sejak 31 Julai lalu itu dibawa masuk untuk kegunaan sendiri dan pasaran tempatan oleh sebuah syarikat tempatan.
3. Nilai eksport produk agrikomoditi melonjak sebanyak 65 peratus kepada RM105 bilion bagi suku kedua 2021, berbanding hanya RM64 bilion bagi tempoh sama tahun lalu. Lonjakan itu membabitkan produk berasaskan sawit yang juga penyumbang terbesar. Produk berasaskan sawit menyumbang 43 peratus daripada jumlah eksport barang agrikomoditi, iaitu peningkatan kepada RM46 bilion, berbanding RM33 bilion dicatat bagi tempoh sama. Namun, kuantiti eksportnya mencatatkan penurunan lima peratus kepada 11.5 juta tan.

**Maklumbalas Bahagian:**

1. Eksport Malaysia bagi separuh tahun pertama 2021 meningkat 30.2 peratus tahun ke tahun kepada RM585.6 bilion daripada RM449.7 bilion. Hal ini didorong oleh peningkatan sektor pembuatan yang menyumbang 87.0 peratus, meningkat RM125.3 bilion atau 32.6 peratus berbanding tahun sebelumnya, diikuti oleh sektor pertanian, menyumbang 7.2 peratus, meningkat RM10.6 billion atau 33.3 peratus.
2. Nilai import bahan makanan untuk binatang (tidak termasuk bijian belum dikilang) bagi Jun 2021 adalah RM514.0 juta dan mencatatkan peningkatan sebanyak RM147.0 juta atau 40.1 peratus bulan ke bulan. Volum eksport bagi Jun 2021 pula adalah 183.8 ribu tan metrik dan mencatatkan peningkatan sebanyak 61.6 ribu tan metrik atau 50.4 peratus. Bahan makanan untuk binatang (tidak termasuk bijian belum dikilang) menyumbang 0.6 peratus kepada keseluruhan nilai import barang pada Jun 2021.

3. Nilai eksport sektor pertanian bagi separuh tahun pertama 2021 adalah RM42.3 bilion dan mencatatkan peningkatan RM10.6 bilion atau 33.3 peratus tahun ke tahun. Eksport minyak kelapa sawit bagi separuh tahun pertama 2021 meyumbang 5.9 peratus kepada keseluruhan eksport sektor pertanian, meningkat sebanyak RM7.5 bilion atau 37.9 peratus berbanding tahun sebelumnya.

<b>D. Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan (DOSM)</b>			
<b>Bil</b>	<b>Akhbar</b>	<b>Ringkasan</b>	<b>Pautan</b>
1.	<b>Bernama</b>  14 Ogos 2021  (non-essential)	<p><b>6,500 kakitangan projek ECRL bakal terima suntikan vaksin di PPVIN</b></p> <p>Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL) akan menggunakan tiga kem induk ECRL di negeri-negeri Pantai Timur sebagai Pusat Pemberian Vaksin Industri (PPVIN) untuk suntikan vaksin COVID-19 kepada kira-kira 6,500 kakitangan dan pekerja tapak binaan.</p>	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=1992756">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=1992756</a>
Penemuan penting & isu:			
<p>1. Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan Datuk Isham Ishak berkata kem-kem induk ECRL di Dungun dan Chukai, Terengganu serta Maran, Pahang akan beroperasi sebagai PPVIN seiring dengan strategi Pelan Pemulihan Negara (PPN) dalam memastikan sektor ekonomi kembali pulih menjelang hujung tahun ini. Langkah ini dapat mempercepatkan proses vaksinasi COVID-19 dalam sektor pembinaan dan pengangkutan.</p>			
Maklumbalas Bahagian:			
<p>1. Langkah mempercepatkan proses vaksinasi di kem induk ECRL mampu untuk memastikan kemajuan nilai kerja binaan terus meningkat. Projek ECRL telah mencapai kemajuan 35 peratus sehingga suku tahun kedua 2021.</p>			

E. Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	<b>NST Online</b> 16 Ogos 2021 <i>(Essential)</i>	<p><b>DNeX to inject RM200mil capital in SilTerra</b></p> <p>Dagang Nexchange Bhd (DNeX) and its Chinese partner will inject RM200 million of new capital in SilTerra Malaysia Sdn Bhd. DNeX group managing director and SilTerra executive chairman told the New Straits Times the capital would be used to buy equipment and upgrade machinery to meet the current technological needs. DNeX had on July 26 completed the acquisition of a 60 per cent stake in SilTerra from Khazanah Nasional Bhd for RM168.3 million. Beijing Integrated Circuit Advanced Manufacturing and High-End Equipment Equity Investment Fund Centre (CGP Fund) owns the remaining 40 per cent. On the recent contract win worth RM1.6 billion from ChipOne Technology (Beijing) Co Ltd for wafer supply, Syed Zainal said the contract would allow SilTerra to have a guaranteed wafer base load.</p>	<a href="https://www.nst.com.my/business/2021/08/718276/dnex-inject-rm200mil-capital-silterra">https://www.nst.com.my/business/2021/08/718276/dnex-inject-rm200mil-capital-silterra</a>
2.	<b>The New Straits Times</b> 16 Ogos 2021 <i>(Essential)</i>	<p><b>MISC's net profit jumps 80 pct to RM538.80mil, revenue at RM2.35bil</b></p> <p>MISC Bhd's net profit jumped 80 per cent in the second quarter (Q2) ended June 30, 2021, to RM538.80 million from RM299.50 million recorded a year ago. In an exchange filing today, the energy-related maritime solutions and</p>	<a href="https://www.nst.com.my/business/2021/08/717759/miscs-net-profit-jumps-80-pct-rm53880mil-revenue-rm235bil">https://www.nst.com.my/business/2021/08/717759/miscs-net-profit-jumps-80-pct-rm53880mil-revenue-rm235bil</a>

	<p>services provider said this was contributed by higher operating profit and lower impairment loss mainly in the marine and heavy engineering segment on its property, plant and equipment recorded during the quarter. Its Q2 revenue increased 7.3 per cent to RM2.35 billion from RM2.19 billion backed by higher contribution from the offshore business segment following the recognition of revenue from conversion of a floating, production, storage and offloading (FPSO). MISC also noted that its petroleum shipping market could remain depressed with freight rates under pressure from vessel oversupply amid the continuing COVID-19 pandemic. Nonetheless, MISC said there is a ray of positivity for the tanker industry. The Organisation of Petroleum Exporting Countries (OPEC)+ alliance reached a belated consensus to increase oil production by 400,000 barrels per day each month from August 2021 to 2022.</p>	
--	---	--

#### Penemuan penting & isu:

1. DNeX dan rakan China akan menyuntik RM200 juta modal baru ke dalam SilTerra Malaysia Sdn. Bhd. Modal baru ini akan digunakan untuk membeli peralatan dan menaiktaraf jentera bagi memenuhi keperluan teknologi semasa. Beijing Integrated Circuit Advanced Manufacturing dan High-End Equipment Equity Investment Fund Centre (CGP Fund) bersama-sama memiliki baki 40 peratus. DNeX menjangkakan permintaan bagi cip akan terus meningkat, dipacu oleh penggunaan teknologi yang meningkat seperti internet of things, 5G dan kenderaan elektrik.

2. MISC mencatatkan keuntungan bersih RM538.80 juta pada suku kedua 2021, meningkat 80 peratus daripada suku yang sama tahun sebelumnya. Ini disumbangkan oleh keuntungan operasi yang lebih tinggi dan penurunan nilai kerugian yang lebih rendah terutamanya di segmen marin dan kejuruteraan berat pada harta tanah, loji dan peralatan. MISC turut mengumumkan pemberian dividen sebanyak 7 sen bagi setiap saham bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021. MISC turut ambil maklum akan pasaran perkapalan petroleum yang kekal menekan dengan kadar penghantaran yang rendah disebabkan oleh pembekalan kapal yang berlebihan di tengah-tengah pandemik COVID-19. Namun, MISC tetap optimis terhadap industry kapal tangki di mana pengeluaran minyak yang lebih tinggi oleh negara-negara OPEC+ sebanyak 400,000 tong sehari setiap bulan dari Ogos 2021 ke 2022.

**Maklumbalas Bahagian:**

1. Pengumuman suntikan modal sebanyak RM200 juta ke dalam syarikat SilTerra Malaysia Sdn. Bhd bersama-sama dengan rakan China akan meningkatkan kapasiti syarikat dalam bergerak ke hadapan dalam menghasilkan teknologi cip terkini. Suntikan ini juga akan memberikan kesan kepada penyusunan statistik Akaun kewangan terutamanya komponen Pelaburan Langsung. Pada suku tahun kedua 2021, Pelaburan langsung asing mencatatkan aliran masuk bersih RM8.2 bilion berbanding RM9.1 bilion pada suku sebelumnya.
2. Peningkatan keuntungan yang tinggi telah dicatatkan oleh MISC dipacu oleh sektor perkapalan yang memulih pada suku kedua 2021. Ini turut disokong oleh pengeluaran minyak mentah oleh negara OPEC+ walaupun dunia masih dilanda pandemik COVID-19. Ini akan memberi kesan kepada penyusunan statistik Imbangan pembayaran secara keseluruhannya. Pada suku tahun kedua 2021, Imbangan akaun semasa Malaysia mencatatkan lebih sebanyak RM14.4 bilion berbanding RM12.3 pada suku tahun sebelumnya.

<b>F. Bahagian Petunjuk Ekonomi (DOSM)</b>			
<b>Bil</b>	<b>Akhbar</b>	<b>Ringkasan</b>	<b>Pautan</b>
1.	<b>Berita Harian</b> 16 Ogos 2021 <i>(Essential)</i>	<b>Peningkatan pandemik jejas pemulihan Malaysia - Moody's Analytics</b>  Pertumbuhan 16.1 peratus pada suku kedua 2021 menunjukkan	<a href="https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/08/851875/peningkatan-pandemik-jejas-">https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/08/851875/peningkatan-pandemik-jejas-</a>

		<p>ekonomi Malaysia pulih, namun peningkatan kes COVID-19 kebelakangan ini menjelaskan momentum, demikian kata Moody's Analytics.</p> <p>Menurut Moody's Analytics, eksport menjadi nadir kepada Malaysia dan keutamaan negara ini adalah melindungi pembuatan dan perdagangan luar negara untuk mendorong ekonomi domestik yang lembap pada separuh kedua tahun ini.</p> <p>Angka kes tertinggi dan sekatan yang lebih ketat di seluruh negara telah menjelaskan pemulihan ekonomi, seperti yang dicerminkan penguncutan 2.0 peratus, pelarasan bermusim dari suku tahunan ke suku tahunan.</p> <p>Mengenai jangkaan pertumbuhan, Moody's Analytics mengunjurkan KDNK bagi keseluruhan tahun ini sebanyak 4.7 peratus, tetapi memandangkan keadaan COVID-19 yang tidak menentu di Malaysia, unjuran KDNK tahunan mungkin akan disemak semula pada September.</p>	<a href="#"><u>pemulihan-malaysia-moodys-analytics</u></a>
2.	<b>Berita Harian</b> 15 Ogos 2021 <i>(Essential)</i>	<b>Isyarat pemulihan ekonomi Malaysia makin ketara</b>  Penyelidik Pasaran RHB Banking Group mengekalkan unjuran pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara pada 5.4 peratus bagi keseluruhan tahun ini.	<a href="https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/08/851441/isyarat-pemulihan-ekonomi-malaysia-makin-ketara"><u>https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/08/851441/isyarat-pemulihan-ekonomi-malaysia-makin-ketara</u></a>

		<p>Unjuran RHB itu lebih tinggi berbanding sasaran Bloomberg iaitu lima peratus dan anggaran semakan semula Bank Negara Malaysia (BNM) antara tiga ke empat peratus. KDNK bulanan yang diumumkan menunjukkan pertumbuhan kukuh pada April dan Mei, masing-masing pada 40.1 peratus dan 19.8 peratus.</p> <p>Penggunaan swasta turut dijangka akan pulih pada separuh kedua 2021 sebanyak tujuh peratus berbanding penguncutan sehingga 4.3 peratus tahun lalu. Pemulihan ekonomi pada tahun ini juga bakal melonjakkan lagi KDNK pada 2022 yang dijangka akan berkembang pada 5.5 peratus.</p>	
3.	<b>Berita Harian</b> 13 Ogos 2021 <i>(Essential)</i>	<p><b>Prestasi ekonomi Malaysia mampu yakinkan pelabur</b></p> <p>Ekonomi Malaysia berkembang 16.1 peratus pada suku kedua 2021, disokong khususnya oleh peningkatan permintaan dalam negeri dan prestasi eksport yang berterusan. Prestasi ekonomi Malaysia yang semakin baik akan melonjakkan keyakinan pelabur dan sekali gus menggambarkan petunjuk bahawa negara ini bergerak ke arah yang betul, kata ahli ekonomi. Pertumbuhan ekonomi Malaysia yang kukuh dan peningkatan dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) adalah isyarat positif kepada bakal pelabur bahawa negara ini masih bertahan di</p>	<a href="https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/08/850910/prestasi-ekonomi-malaysia-mampu-yakinkan-pelabur">https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/08/850910/prestasi-ekonomi-malaysia-mampu-yakinkan-pelabur</a>

	<p>tengah-tengah peningkatan kes jangkitan COVID-19.</p> <p>Walaupun pada ketika ini Malaysia masih berhadapan dengan kadar jangkitan COVID-19 yang tinggi, kita telah membuktikan berjaya menaikkan KDNK berserta dengan keyakinan bahawa kadar vaksinasi berjalan lancar ke arah imuniti kelompok.</p>	
--	--	--

#### Penemuan penting & isu:

1. Pertumbuhan 16.1 peratus pada suku kedua 2021 menunjukkan ekonomi Malaysia pulih, namun peningkatan kes COVID-19 kebelakangan ini menjelaskan momentum, menurut Moody's Analytics. Eksport merupakan nadi kepada Malaysia dan keutamaan negara adalah melindungi pembuatan dan perdagangan luar negara untuk mendorong ekonomi domestik yang lembap pada separuh kedua tahun ini.
2. Penyelidik Pasaran RHB Banking Group mengekalkan unjuran pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara pada 5.4 peratus bagi sepanjang tahun 2021. Unjuran itu adalah lebih tinggi berbanding sasaran Bloomberg iaitu lima peratus dan anggaran semakan semula Bank Negara Malaysia (BNM) antara tiga ke empat peratus. Penggunaan swasta turut dijangka akan pulih pada separuh kedua 2021 sebanyak tujuh peratus berbanding penguncutan 4.3 peratus pada tempoh yang sama tahun sebelumnya. Pemulihan ekonomi pada tahun ini juga bakal melonjakkan lagi KDNK pada 2022 yang dijangka akan berkembang pada 5.5 peratus.
3. Ekonomi Malaysia berkembang 16.1 peratus pada suku kedua 2021, disokong khususnya oleh peningkatan permintaan dalam negeri dan prestasi eksport yang berterusan. Prestasi ekonomi Malaysia yang semakin baik akan melonjakkan keyakinan pelabur dan sekali gus menggambarkan petunjuk bahawa negara ini bergerak ke arah yang betul. Pertumbuhan ekonomi Malaysia yang kukuh dan peningkatan dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) adalah isyarat positif kepada bakal pelabur bahawa negara ini masih bertahan di tengah-tengah peningkatan kes jangkitan COVID-19. Walaupun pada ketika ini Malaysia masih berhadapan dengan kadar jangkitan COVID-19 yang tinggi, peningkatan KDNK menunjukkan

	keyakinan bahawa kadar vaksinasi berjalan lancar ke arah imuniti kelompok.		
	Maklumbalas Bahagian:		
	<ol style="list-style-type: none"> <li>Pertumbuhan 16.1 peratus pada suku kedua 2021 menunjukkan ekonomi Malaysia pulih, namun peningkatan kes COVID-19 kebelakangan ini menjelaskan momentum menurut Moody's Analytics. Pertumbuhan ini didorong oleh aliran eksport dan sektor Pembuatan yang dijangka membantu meningkatkan rantaian ekonomi domestik negara. Oleh itu, Moody's Analytics mengunjurkan KDNK bagi keseluruhan tahun ini sebanyak 4.7 peratus.</li> <li>Ekonomi Malaysia berkembang 16.1 peratus pada suku kedua 2021 berbanding penguncutan 17.1 peratus pada suku yang sama tahun 2020. Prestasi ini turut disokong khususnya oleh peningkatan permintaan dalam negeri dan prestasi eksport yang berterusan dan seterusnya dapat meningkatkan keyakinan pelabur. Semakan semula oleh Bank Negara Malaysia diunjurkan pertumbuhan ekonomi pada kadar 3.0 hingga 4.0 peratus. Oleh itu, pemulihan ekonomi yang berterusan dijangka dengan pembukaan semula aktiviti ekonomi.</li> </ol>		
	<b>G. Bahagian Perangkaan Harga, Pendapatan dan Perbelanjaan (DOSM)</b>		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	<b>Sinar Harian</b> 13 Ogos 2021 (Essential)	<p><b>Peniaga patuh harga siling minyak masak botol</b></p> <p>Tahap pematuhan peniaga di seluruh Perak memuaskan apabila tiada tindakan diambil sepanjang tempoh 11 hari pelaksanaan harga siling runcit minyak masak botol yang berkuat kuasa sejak 1 Ogos lalu.</p>	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/155321/EDISI/Peniaga-patuh-harga-siling-minyak-masak-botol">https://www.sinarharian.com.my/article/155321/EDISI/Peniaga-patuh-harga-siling-minyak-masak-botol</a>
2.	<b>The Edge Market</b> 14 Ogos 2021 (Essential)	<p><b>Oil dips, little changed on week despite weaker demand forecasts</b></p> <p>Oil prices dipped on Friday and ended the week little changed after weathering concerns from banks and the International</p>	<a href="https://www.theedgemarkets.com/article/oil-dips-little-changed-week-despite-weaker-demand-forecasts">https://www.theedgemarkets.com/article/oil-dips-little-changed-week-despite-weaker-demand-forecasts</a>

		<p>Energy Agency that the spread of coronavirus variants is slowing oil demand.</p> <p>Global oil benchmark Brent crude settled down 72 cents, or 1%, at US\$70.59 a barrel for the session. US West Intermediate crude settled down 65 cents at US\$68.44.</p>	
3.	<b>Kosmo</b> 15 ogos 2021 <i>(Essential)</i>	<p><b>Harga 20 sen sekilogram, petani musnahkan 6,400 pokok timun</b></p> <p>Akibat kejatuhan mendadak harga timun kepada hanya 20 sen sekilogram membuatkan seorang petani bertindak nekad memusnahkan kira-kira 6,400 pokok timun yang ditanamnya di Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Inderapura Jalan Kuantan-Pekan di sini.</p>	<a href="https://www.kosmo.com.my/2021/08/15/harga-20-sen-sekilogram-petani-musnahkan-6400-pokok-timun/">https://www.kosmo.com.my/2021/08/15/harga-20-sen-sekilogram-petani-musnahkan-6400-pokok-timun/</a>

Penemuan penting & isu:

1. Harga maksimum minyak masak sawit botol bersaiz 1 kilogram (kg) adalah RM6.70, 2 kg (RM12.70) dan 3 kg (RM18.70) dan 5 kg ditetapkan pada harga RM29.70.
2. Harga minyak merosot pada hari Jumaat (13 Ogos 2021) dan sedikit berubah pada akhir minggu ini setelah menghadapi kebimbangan dari bank dan Badan Tenaga Antarabangsa bahawa penyebaran varian coronavirus memperlambatkan permintaan minyak.
3. Harga ladang serendah 20 sen sekilogram (timun) mustahil untuk petani mempertahankan tanaman yang masih mengeluarkan hasil. Mereka lebih rela memusnahkan 6,400 pokok timun yang sedang berbuah daripada terus menanggung kerugian yang lebih teruk.

Maklumbalas Bahagian:

1. Penetapan harga maksimum minyak masak sawit bermula Ogos 2021 akan meredakan inflasi bagi item Minyak masak yang meningkat kepada

5.0 peratus pada Jun 2021. Pada bulan Jun 2021, purata harga minyak masak botol bagi 1kg ialah RM6.68, manakala purata harga minyak masak botol bagi 3kg dan 5kg masing-masing pada harga RM20.48 dan RM29.66.

2. Penanda aras minyak global minyak mentah Brent turun 72 sen (atau 1%) kepada US\$ 70.59 setong. Manakala minyak mentah AS West Intermediate turun 65 sen kepada US\$ 68.44. Prestasi harga minyak global akan mempengaruhi Indeks Harga Pengeluar (IHPR) bulan Ogos 2021 memandangkan minyak mentah mempunyai sumbangan yang tinggi dalam menentukan IHPR.
3. Faktor utama kejatuhan harga timun ialah berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 yang agak panjang menyebabkan banyak pasar borong, pekan sehari dan pasar pagi ditutup. Harga sayur-sayuran pada Ogos 2021 dijangka menurun dan akan memberi impak dalam IHPR bagi sektor Pertanian, perhutanan & perikanan dan inflasi subkumpulan sayur-sayuran.

H.	Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	<b>Berita Harian</b> 15 Ogos 2021 (Non-Essential)	<p><b>COVID-19: 20,546 kes baharu dilaporkan</b></p> <p>Sebanyak 20,546 kes baharu COVID-19 dilaporkan, hari ini, dengan semua negeri dan Wilayah Persekutuan menyumbang angka jangkitan. Ini bermakna jumlah kumulatif penularan wabak itu di Malaysia kini mencecah 1,404,899 jangkitan, dengan 247,261 kes aktif.</p> <p>Selain itu, 282 korban baharu akibat COVID-19 dilaporkan, dengan 101 kes kematian di luar hospital (BID), yang membawa kepada jumlah kumulatif 12,510 (0.89 peratus).</p>	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/08/851544/COVID-19-20546-kes-baharu-dilaporkan">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/08/851544/COVID-19-20546-kes-baharu-dilaporkan</a>

2.	<b>Utusan Malaysia</b> 14 Ogos 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p><b>Warga asing juga perlu disuntik vaksin COVID-19</b></p> <p>Rakyat diminta tidak mempersoalkan pemberian vaksin COVID-19 kepada warga asing menerusi Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) yang sedang berjalan ketika ini.</p> <p>Menurut Pakar Kesihatan Komuniti Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr. Sharifa Ezat Wan Puteh berkata, langkah itu satu keperluan terutamanya bagi yang bekerja di kilang-kilang.</p>	<a href="https://www.utusan.com.my/berita/2021/08/warga-asing-juga-perlu-disuntik-vaksin-COVID-19/">https://www.utusan.com.my/berita/2021/08/warga-asing-juga-perlu-disuntik-vaksin-COVID-19/</a>
----	--	---	---

**Penemuan penting & isu:**

1. Lapan (8) negeri serta Wilayah Persekutuan mencatat empat digit jangkitan baharu, yang menyaksikan Selangor terus mendahului dengan 7,307 kes. Ia disusuli Sabah (1,665), Kedah (1,596), Johor (1,508), Kuala Lumpur (1,442), Pulau Pinang (1,111), Perak (1,069) dan Kelantan (1,025). Angka harian di Sarawak dan Pahang pula menghampiri 1,000 kes dengan masing-masing melaporkan 963 dan 926 jangkitan. Seterusnya, Negeri Sembilan merekodkan 698 kes, Melaka (631), Terengganu (534), Putrajaya (47), Perlis (21) dan Labuan (tiga). Selain itu, 282 korban baharu akibat COVID-19 dilaporkan, dengan 101 kes kematian di luar hospital (BID), yang membawa kepada jumlah kumulatif 12,510 (0.89 peratus). Sebanyak 16,945 pesakit dilaporkan sembuh, hari ini, menjadikan jumlah kumulatifnya 1,145,128 kes (81.5 peratus), manakala 1,059 kes dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan 526 memerlukan bantuan pernafasan.
2. Untuk makluman, pemberian vaksin kepada warga asing bukan bermakna kerajaan lepas tangan terhadap warga tempatan yang belum mendapatkan tarikh vaksinasi. Ini berikutan industri kilang antara sektor yang banyak menyumbang peningkatan kes harian COVID-19, oleh itu ia perlu diberi perhatian oleh PICK. Kerajaan perlu mempercepatkan pemberian vaksin kepada rakyat terutama di pedalaman dan orang kurang upaya yang didakwa masih ramai belum mendapatkan tarikh janji temu vaksinasi. Saranan pemberian vaksin dari rumah ke rumah sangat baik tetapi petugas kesihatan berdepan pelbagai kekangan selain kos yang tinggi.

Maklumbalas Bahagian:

1. Data kematian pada suku tahun kedua 2021 ialah:

- Jumlah kematian pada suku tahun kedua 2021 direkodkan sebanyak 44,307 kematian, meningkat sebanyak 10.1 peratus berbanding suku tahun kedua 2020 (40,241 kematian);
- Sejumlah 25,216 kematian adalah lelaki sementara 19,091 kematian adalah perempuan; dan
- Sebanyak 3,898 kematian akibat COVID-19 direkodkan iaitu meningkat 78 kematian berbanding suku sama tahun lalu.

Data juga menunjukkan kematian tertinggi akibat COVID-19 dicatatkan bagi kumpulan umur 65 hingga 69 tahun diikuti kumpulan umur 70-74 tahun.

Selangor merekodkan bilangan kematian tertinggi akibat COVID-19 iaitu 1,236 kematian manakala Putrajaya merekodkan kematian terendah iaitu hanya empat kematian.

Sebab-sebab kematian akibat COVID-19 akan dimuatkan di Penerbitan Perangkaan Sebab Kematian.

2. Berdasarkan data pendaftaran penduduk semasa, penduduk Malaysia pada suku tahun kedua 2021 dianggarkan 32.7 juta orang, dimana kadar pertumbuhan penduduk tahunan menurun kepada 0.2 peratus. Jumlah penduduk ini merangkumi 30.0 juta orang (91.8%) warganegara dan 2.7 juta orang (8.2%) bukan warganegara. Penduduk Bukan Warganegara menunjukkan penurunan daripada 3.0 juta (2020) kepada 2.7 juta pada 2021. Penduduk tua (65 tahun dan lebih) meningkat kepada 7.4 peratus (2.3 juta) pada 2021. Umur penengah penduduk pada 2021 meningkat kepada 29.6 tahun, iaitu peningkatan sebanyak 3.3 tahun setelah satu dekad (2010-2021).

I.	Bahagian Perangkaan Tenaga Manusia dan Sosial (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	<b>Berita Harian</b> 13 Ogos 2021 (Non-Essential)	<b>KKM lulus vaksin diberi kepada golongan usia 12 - 17 tahun</b>  Kementerian Kesihatan (KKM) meluluskan untuk memperluaskan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) dalam kalangan remaja berusia 12 hingga 17 tahun.	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/08/850687/kkm-lulus-vaksin-diberi-kepada-golongan-usia-12-17-tahun">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/08/850687/kkm-lulus-vaksin-diberi-kepada-golongan-usia-12-17-tahun</a>

		PICK kepada remaja dibahagikan kepada dua golongan iaitu kepada individu berusia 12 hingga 15 tahun yang mempunyai masalah kesihatan tertentu serta semua individu berusia 16 dan 17 tahun dengan atau tanpa mempunyai masalah kesihatan tertentu. Remaja yang mempunyai masalah kesihatan tertentu perlu menjalani penilaian pra-vaksinasi oleh pegawai atau pakar perubatan.	
2.	<b>Harian Metro</b> 14 Ogos 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p><b>Pelajar perlu divaksin sebelum sekolah dibuka</b></p> <p>Pelajar khususnya berusia 12 hingga 17 tahun perlu divaksin sebelum sesi persekolahan yang dijadualkan dibuka pada 1 September ini.</p> <p>Saranan itu sejajar dengan peningkatan jumlah kes dan penularan COVID-19 ketika ini, yang tidak mengenal mangsa termasuk kanak-kanak dan pelajar.</p>	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/08/742502/pelajar-perlu-divaksin-sebelum-sekolah-dibuka">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/08/742502/pelajar-perlu-divaksin-sebelum-sekolah-dibuka</a>
3.	<b>Berita Harian</b> 14 Ogos 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p><b>BSN sumbang RM2.5 juta jayakan Program CERDIK</b></p> <p>Bank Simpanan Nasional (BSN) menyumbangkan RM2.5 juta kepada Program CERDIK iaitu inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan (MOE) serta Kementerian Kewangan (MOF).</p>	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/08/851118/bsn-sumbang-rm25-juta-jayakan-program-cerdik">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/08/851118/bsn-sumbang-rm25-juta-jayakan-program-cerdik</a>

	<p>Program ini dilaksanakan bertujuan menyediakan akses digital seperti komputer riba, tablet dan sambungan data atau 'data connection' kepada murid-murid daripada keluarga berpendapatan rendah.</p>	
<p><b>Penemuan penting &amp; isu:</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. KKM meluluskan untuk memperluaskan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) dalam kalangan remaja berusia 12 hingga 17 tahun.</li> <li>2. Vaksinasi akan dimulakan mengikut keutamaan iaitu remaja yang mempunyai masalah kronik diikuti tanpa masalah perubatan dan berdasarkan penurunan usia.</li> <li>3. BSN menyumbangkan RM2.5 juta kepada Program CERDIK iaitu inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan (MOE) serta Kementerian Kewangan (MOF).</li> </ol>		
<p><b>Maklumbalas Bahagian:</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Berikutan peningkatan kes COVID-19 dari hari ke hari, KPM telah menangguhkan sesi pembukaan sekolah daripada 1 September kepada 3 Oktober. Merujuk kepada My Local Stats 2019, bilangan murid sekolah rendah kerajaan dan menengah kerajaan di Malaysia pada 2019 masing-masing merekodkan 2,729,491 orang dan 2,035,698 orang.</li> <li>2. Kanak-kanak adalah antara golongan yang berisiko dijangkiti COVID-19. Kelulusan pemberian vaksin kepada golongan usia 12 tahun ke atas adalah antara inisiatif kerajaan untuk melindung golongan tersebut daripada jangkitan virus COVID-19. Merujuk kepada Statistik Kanak-kanak 2020, anggaran bilangan kanak-kanak yang berumur 18 tahun ke bawah di Malaysia pada 2020 adalah seramai 9,247.5 ribu orang.</li> <li>3. Program CERDIK akan meringankan beban murid terutamanya daripada keluarga kumpulan pendapatan B40 untuk mengikuti PdPR semasa pandemik ini. Berdasarkan My Local Stats 2019 dan Survei Pendapatan Ibu Rumah dan Kemudahan Asas, had pendapatan bagi kumpulan B40 yang merangkumi 2.91 juta isi rumah adalah RM4,849 pada 2019.</li> </ol>		

J.	Bahagian Perangkaan Pertanian dan Alam Sekitar (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	<b>Sinar Harian</b> 14 Ogos 2021 (Essential)	<p><b>FAMA Jerantut jangka hasilkan 10 tan pes durian musim ini</b></p> <p>Sebanyak 10 tan pes durian dijangka dapat dihasilkan oleh Pusat Pemprosesan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Jerantut pada musim durian kali ini. Pusat Pemprosesan FAMA Jerantut menjadi pengeluar utama bagi penghasilan pes durian. Setiap hari sekurang-kurangnya lima tan durian jenis kampung diproses bagi menghasilkan 500 hingga 600 kilogram pes, pengeluaran banyak bergantung kepada penerimaan buah daripada pekebun di daerah ini.</p>	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/155512/EDISI/FAMA-Jerantut-jangka-hasilkan-10-tan-pes-durian-musim-ini">https://www.sinarharian.com.my/article/155512/EDISI/FAMA-Jerantut-jangka-hasilkan-10-tan-pes-durian-musim-ini</a>
2.	<b>Sinar Harian</b> 15 Ogos 2021 (Essential)	<p><b>PKP: Petani bimbang 10kg cili Bara tidak terjual sehari</b></p> <p>Pengusaha cili fertigasi di Kampung Cempaka di sini kerugian hampir RM200 sehari selepas 10 kilogram (kg) cili Bara F1 tidak dapat dipasarkan susulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0. Pandemik COVID-19 telah merencatkan proses penjualan dan penghantaran bekalan kepada pelanggan.</p>	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/155771/EDISI/PKP-Petani-bimbang-10kg-cili-Bara-tidak-terjual-sehari">https://www.sinarharian.com.my/article/155771/EDISI/PKP-Petani-bimbang-10kg-cili-Bara-tidak-terjual-sehari</a>

Penemuan penting & isu:

1. Sebanyak 10 tan pes durian dijangka dapat dihasilkan oleh Pusat Pemprosesan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Jerantut pada musim durian kali ini. Pusat Pemprosesan FAMA Jerantut menjadi pengeluar utama

bagi penghasilan pes durian. Setiap hari sekurang-kurangnya lima tan durian jenis kampung diproses bagi menghasilkan 500 hingga 600 kilogram pes, pengeluaran banyak bergantung kepada penerimaan buah daripada pekebun di daerah ini. Peningkatan aktiviti penjualan durian disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan pekebun terpaksa menjual kepada FAMA untuk mengelak kerugian. Katanya, disebabkan itu, Pusat Pemprosesan FAMA Jerantut menerima banyak durian apabila pemborong serta pembeli luar tidak boleh datang ke daerah ini.

2. Pengusaha cili fertigasi di Kampung Cempaka di sini kerugian hampir RM200 sehari selepas 10 kilogram (kg) cili Bara F1 tidak dapat dipasarkan susulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0. Pandemik COVID-19 telah merencatkan proses penjualan dan penghantaran bekalan kepada pelanggan. Kebiasaan lebih 10 kg dituai setiap hari, tapi sejak kebelakangan ini hanya sekitar dua ke tiga kilogram dalam tempoh tiga hari. Itu pun tempahan daripada pelanggan di sekitar Kuantan.

#### Maklumbalas Bahagian:

1. Masalah lambakan hasil pertanian seperti cili dan durian yang tidak dapat dipasarkan berlaku kesan daripada terdapat gangguan rantai makanan terutamanya untuk membawa keluar produk pertanian kepada pengguna.
2. Malaysia kini berada pada Pelan Pemulihan Negara (PPN) mengikut fasa yang akan menghadkan pergerakan. Fasa PPN ini juga turut memberi kesan kepada penghantaran bahan mentah dan produk pertanian tersebut di samping permintaan yang kurang dikalangan warga tempatan. Justeru, ini akan memberi kesan kepada harga produk pertanian tersebut dimana negeri pengeluar akan menjual harga produk pertanian yang sama atau jauh lebih murah kepada pembeli di negeri yang sama; dan memasarkan dengan harga yang mahal bagi pembeli dari negeri lain.

K.	Malaysian Bureau of Labour Statistics (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	<b>The Edge Market</b> 15 August 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<b>PM: Non-essential activities in manufacturing, construction, mining and quarrying allowed in states under first three phases of NRP from Aug 16</b>	<a href="https://www.theedgemarkets.com/article/pm-all-nonessential-services-manufacturing-construction-mining-and-quarrying-allowed-in-states-under-first-three-phases-of-nrp-from-aug-16">https://www.theedgemarkets.com/article/pm-all-nonessential-services-manufacturing-construction-mining-and-quarrying-allowed-in-states-under-first-three-phases-of-nrp-from-aug-16</a>

		<p>The government has decided to allow non-essential activities in the manufacturing, construction, mining and quarrying sectors for all states under Phases 1, 2 and 3 of the National Recovery Plan (NRP) from tomorrow (Aug 16).</p> <p>However, the operating capacity will be dependent on the level of vaccination of the workers. If 80% to 100% of workers are fully vaccinated, these businesses can operate at full capacity. After more than a year the country has been in a pandemic, many employers have begun to reduce the workforce, causing many to lose their jobs. In this difficult situation, the government cannot allow this situation to drag on.</p>	<a href="#"><u>quarrying-sectors-allowed</u></a>
2.	<b>The Edge Market</b> 15 August 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p><b>More economic activities allowed in states under Phases 1 and 2 of NRP where half of adults fully vaccinated from Aug 16 — PM</b></p> <p>Prime Minister today announced the government has agreed to allow 11 more economic activities to be reopened in states and federal territories (Selangor, Kuala Lumpur, Putrajaya, Johor, Negeri Sembilan and Kedah) under the Phase 1 of the National Recovery Plan (NRP), provided that 50% of the adult</p>	<a href="https://www.theedgemarkets.com/article/pm-more-activities-be-allowed-across-states-all-phases-national-recovery-plan-if-50-adult"><u>https://www.theedgemarkets.com/article/pm-more-activities-be-allowed-across-states-all-phases-national-recovery-plan-if-50-adult</u></a>

		<p>population have been fully vaccinated.</p> <p>The 11 economic activities allowed to reopen effective Aug 16 (Monday) namely car washes, electrical and electronic stores, home goods and kitchenware stores, furniture stores, sports equipment stores, car accessory stores, car dealers and distributors, morning markets and farmers' markets, clothing, fashion and accessories shops, jewellers, and barbers and hair and beauty salons.</p>	
3.	<b>The Edge Market</b> 14 August 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p><b>Pan Borneo Highway project almost 70% complete - Fadillah</b></p> <p>The Pan Borneo Highway (LPB) project in Sarawak is now 69.6% complete. Delays could not be avoided from the completion date that was targeted to be in Sept 2022, due to various constraints including implementation of the Movement Control Order (MCO).</p> <p>Several limitations such as supply chain problems and rising costs of building materials as well as manpower shortage caused by the standard operating procedure (SOP) compliance. However, the highway project could pave the way for a highly skilled workforce in the construction sector.</p>	<a href="https://www.theedgemarkets.com/article/pan-borneo-highway-project-almost-70-complete-%E2%80%94-fadillah">https://www.theedgemarkets.com/article/pan-borneo-highway-project-almost-70-complete-%E2%80%94-fadillah</a>

4.	<b>Astro Awani</b> 12 August 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p><b>PERKUKUH:</b> Lebih banyak penyertaan swasta, pekerjaan kemahiran tinggi diwujudkan - Tengku Zafrul</p> <p>Lebih banyak pelaburan dapat dikembangkan serta peningkatan penyertaan sektor swasta menerusi PERKUKUH yang dilancarkan pada 6 Ogos 2021. Hasil program ini akan meningkat prospek dan ketahanan ekonomi jangka panjang Malaysia, memberi tumpuan kepada pemerintahan yang baik yang membolehkan pertumbuhan berterusan, pengukuhan inklusif sosial dan ekonomi kemapanan. Dijangka lebih banyak pekerjaan berkemahiran tinggi dengan gaji yang lumayan dapat dihasilkan daripada pelaburan domestik serta asing menerusi mandat baharu GLIC dan GLC.</p>	<a href="https://www.astroawani.com/berita-bisnes/perkukuh-lebih-banyak-penyertaan-swasta-pekerjaan-kemahiran-tinggi-diwujudkan-tengku-zastrul-313661">https://www.astroawani.com/berita-bisnes/perkukuh-lebih-banyak-penyertaan-swasta-pekerjaan-kemahiran-tinggi-diwujudkan-tengku-zastrul-313661</a>
----	--	--	---

#### Penemuan penting & isu:

1. Kerajaan membenarkan semua aktiviti tidak perlu bagi sektor pembuatan, pembinaan, dan perlombongan dan pengkuarian kembali beroperasi di negeri Fasa 1, Fasa 2 dan Fasa 3 Pelan Pemulihan Negara (PPN) bermula 16 Ogos. Namun, kapasiti pengoperasi adalah bergantung kepada kadar vaksinasi lengkap pekerja. Kapasiti pengoperasian dibenarkan 100 peratus bagi kadar vaksinasi lengkap pekerja yang mencapai 80 hingga 100 peratus.
2. Kerajaan mengumumkan kebenaran operasi bagi 11 aktiviti ekonomi untuk beroperasi di negeri bawah Fasa 1 PPN, dengan syarat vaksinasi lengkap penduduk dewasa telah mencapai sekurang-kurangnya 50 peratus. Terdapat 11 aktiviti ekonomi yang dibenarkan iaitu kedai cuci kereta, kedai elektrik dan elektronik, kedai barang rumah dan peralatan dapur, kedai perabot, kedai peralatan sukan, kedai aksesori kereta, pusat pengedaran dan jualan kereta, pasar pagi dan pasar tani, kedai pakaian, fesyen dan aksesori, kedai barang kemas, kedai gunting rambut, dan salon kecantikan.

3. Projek Lebuhraya Pan Borneo (LPB) di Sarawak telah mencapai 69.6 peratus siap. Kelewatan projek tidak dapat dielakkan berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) serta masalah rantaian bekalan, kenaikan kos bahan binaan, dan kekurangan pekerja kerana perlu mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP). Projek ini dapat membuka peluang melahirkan pekerja berkemahiran tinggi dalam sektor pembinaan.
4. Kerajaan telah melancarkan PERKUKUH pada 6 Ogos 2021 yang dapat meningkatkan pelaburan dan penyertaan sektor swasta. Dijangka lebih banyak pekerjaan berkemahiran tinggi dengan gaji yang lumayan dapat dihasilkan daripada pelaburan domestik serta asing menerusi mandat baharu GLIC dan GLC.

**Maklumbalas Bahagian:**

1. Statistik utama tenaga buruh bagi bulan Jun 2021 yang diterbitkan pada 9 Ogos 2021 adalah seperti berikut:
  - i) Tenaga buruh: 16,066.2 ribu
  - ii) Penduduk bekerja: 15,297.5 ribu
  - iii) Penganggur: 768.7 ribu
  - iv) Luar tenaga buruh: 7,456.8 ribu
  - v) Kadar penyertaan tenaga buruh: 68.3 peratus
  - vi) Kadar pengangguran: 4.8 peratus
2. Berdasarkan Laporan Tenaga Buruh, Malaysia bagi bulan rujukan Jun 2021 telah menyatakan komposisi terbesar penduduk bekerja adalah kategori pekerja dengan 77.6 peratus. Kategori ini berkurang sebanyak 56.7 ribu orang (-0.5%) kepada 11.9 juta orang berbanding bulan sebelumnya (Mei 2021: 11.9 juta orang). Manakala, penduduk bekerja sendiri yang sebahagian besarnya terdiri daripada penerima gaji harian yang bekerja sebagai pengusaha perniagaan kecil seperti peruncit kecil; penjaja; penjual di pasar dan gerai serta pekebun kecil, merekodkan pertambahan sebanyak 4.1 ribu orang kepada 2.5 juta orang (Mei 2021: 2.5 juta orang).
3. Statistik utama tenaga buruh pada ST2 2021 berdasarkan Laporan Tenaga Buruh adalah seperti berikut:
  - i) Tenaga buruh: 15,972.2 ribu
  - ii) Penduduk bekerja: 15,207.3 ribu
  - iii) Penganggur: 764.9 ribu
  - iv) Kadar penyertaan tenaga buruh: 68.3 peratus
  - v) Kadar pengangguran: 4.8 peratus

4. Laporan Statistik Guna Tenaga (SGT) meliputi statistik pekerja sektor swasta di Malaysia. Berikut merupakan maklumat utama berdasarkan SGT ST2 2021:
  - i) Jawatan: 8,351.8 ribu
  - ii) Jawatan diisi: 8,173.7 ribu
  - iii) Kekosongan: 178.0 ribu
  - iv) Pewujudan jawatan: 16.18 ribu
  - v) Kadar jawatan diisi: 97.9%
  - vi) Kadar kekosongan: 2.1%
5. Statistik pekerja mengikut aktiviti utama ekonomi bagi ST1 2021 berdasarkan Laporan Produktiviti Buruh adalah seperti berikut:
  - i) Pertanian: 1,861 ribu orang (Sumbangan: 12.2%)
  - ii) Perlombongan dan pengkuarian: 73 ribu orang (Sumbangan: 0.5%)
  - iii) Pembuatan: 2,594 ribu orang (Sumbangan: 17.0%)
  - iv) Pembinaan: 1,390 ribu orang (Sumbangan: 9.1%)
  - v) Perkhidmatan: 9,318 ribu orang (Sumbangan: 61.2%)
  - vi) Jumlah: 15,237 ribu orang (Sumbangan: 100.0%)